

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (1)
Tarikh : 10 Jun 2014

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR Sinar Harian Bertajuk "Empat Beradik Tidak Ke Sekolah" Bertarikh 29 Mei 2014, KHAMIS – M.S: 39 (SENTRAL)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Aripin Ahmat berkenaan empat orang anaknya gagal mendapat sijil kelahiran warganegara.
3. Untuk makluman, hasil semakan dan temubual dengan Encik Aripin Ahmat mendapati bahawa hanya dua orang anaknya tidak didaftarkan kelahiran.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN mohon kerjasama Encik Aripin Ahmat untuk membuat permohonan daftar lewat kelahiran kedua-dua anak beliau di JPN. Beliau juga telah diberikan penerangan dan dua (2) set borang daftar lewat kelahiran untuk dilengkapkan dan seterusnya dikemukakan ke pejabat JPN bagi membolehkan permohonan daftar lewat kelahiran kedua-dua anak beliau diproses dan seterusnya dikeluarkan sijil kelahiran lewat sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang Negara ini.
5. Untuk makluman jua, berkenaan catatan bukan warganegara pada sijil kelahiran kedua-dua anak beliau ianya disebabkan tiada tuntutan taraf kewarganegaraan Malaysia secara kuatkuasa undang-undang kerana semasa pendaftaran kelahiran dibuat, bukti perkahwinan ibubapa tidak dapat dikemukakan.
6. Berdasarkan Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(a) Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibaca bersama Seksyen 17 Bahagian III Perlembagaan Malaysia menyebut penentuan taraf bagi anak kepada lelaki yang bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan wanita warga asing di mana perkahwinan tidak didaftarkan secara sah mengikut undang-undang Malaysia sebelum anak tersebut dilahirkan adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu.

7. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan juga menyarankan Encik Aripin Ahmat mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia untuk kedua-dua anak beliau di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan sebelum anak-anak beliau mencapai umur 21 tahun di mana-mana pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal beliau.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)